

Dr M jawab tuduhan tidak berasas

Oleh KHALIL MOHD ZAIN

23 MAY 1983

SEREMBAN, Ahad — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menegur pihak-pihak tertentu yang menuduh pemimpin-pemimpin Umno sekarang kononnya mengabaikan tanggungjawab rasmi mereka dengan pergi ke sana sini untuk memperkukuh kedudukan politik masing-masing.

Perdana Menteri berkata, golongan itu mendakwa pemimpin dalam Umno sekarang sedang sibuk berkempen untuk memperkuatkan kedudukan masing-masing bagi menghadapi pemilihan pucuk pimpinan parti tahun depan.

bungannya dengan rakyat.

"Mereka cuma menjenguk muka bila ada pilihanraya dan selepas itu mereka tidak menghiraukan cawangan-cawangan parti mereka, malahan apabila telah dilantik menjadi pemimpin mereka terus memutuskan hubungan dengan penyokong-penyokong itu," ujarnya.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, keadaan itu berbeza sekali dengan negara ini di mana para pemimpin boleh ditemui dengan mudah. "Dengan sistem ini jugalah yang telah menjadikan Umno terus berkembang serta berkuasa sejak 26 tahun mencapai kemerdekaan."

Katanya, Umno sekarang berjuang untuk membentuk orang Melayu yang boleh berdiri bersaing dengan sesiapa sahaja dan ini cuma boleh dicapai dengan usaha kita sendiri sebagai ahli-ahli Umno.

"Apabila orang-orang Melayu dituduh sebagai malas dan tidak boleh dipercayai, maka kita mestilah menilai semula apakah asas-asas tuduhan itu dan setakat mana kebenarannya."

"Mereka ini adalah orang yang memerhatikan perkembangan Umno dan membentangkan tafsiran terhadap apa juga yang berlaku dalam parti dengan tujuan untuk melemah serta memecahbelahkan Umno.

SEDUTAN UCAPAN PENUH DATUK SERI DR MAHATHIR DI MUKA 10

"Mereka tahu jika Umno dapat dilemah dan dipecahbelahkan maka kebahagiaan negara yang tercapai sekarang ini akan dapat ditamatkan dengan sekali gus," tegas Perdana Menteri yang juga Presiden Umno Malaysia.

Berucap di majlis perasmian sidang perwakilkan Umno Bahagian Mantin, Datuk Seri Dr Mahathir berkata, amalan yang dibuat oleh Umno dengan menjemput para pemimpin merasmikan mesyuarat-mesyuarat agung baha-gian telah disalah tafsirkan oleh setengah-setengah pihak.

"Sedangkan amalan ini adalah suatu perkara biasa bagi kita dan tidak membawa apa-apa maksud lain," tambahnya.

Sebaliknya beliau berpendapat, amalan itu patut diteruskan kerana dengan adanya lawatan pemimpin-pemimpin dapat menjalinkan hubungan mesra antara pemimpin dan ahli-ahli masyarakat serta pemimpin tempatan.

Kita tidak mahu pemimpin yang mengasingkan diri dan tidak mengenal antara satu sama lain, tegas Datuk Seri Dr Mahathir.

Beliau berkata, jika dibandingkan amalan Umno dengan negara-negara Barat yang lebih lama mengamalkan demokrasi, pemimpin-pemimpin di negara itu sangat renggang hu-

katanya.

Menurut Perdana Menteri, ada golongan cerdik pandai yang mengatakan bahawa bekerja kuat itu adalah sesuatu yang tidak baik dan akan menjadikan diri kita seperti robot serta hamba kepada majikan.

Katanya, mereka yang mengeluarkan pendapat itu tahu bahawa jika kita malas, maka kita tidak akan dapat bertanding dengan orang lain, baik di dalam atau di luar negeri.

Presiden Umno itu berkata, "Selagi kita tidak bersedia untuk bekerja kuat, berterus terang dan memegang amanah yang diberikan kepada kita, maka selagi itulah kita akan lemah, yang akan membawa kepada penghinaan dan penindasan.

"Maruah kita hanya dapat dipelihara kalau kita sanggup berusaha, bekerja kuat dan lurus dalam menjalankan sesuatu tugas yang diserahkan kepada kita itu dengan sempurna," jelasnya.

Ini bukan sesuatu yang mustahil, tetapi adalah mudah jika kita berazam ingin berbuat demikian, kata Datuk Seri Dr. Mahathir.